

Headline **Sokongan rakyat Kelantan meningkat**  
Date **26. Jan 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **4**  
Section **Nasional** Article Size **180** cm2  
Circulation **217991** Frequency **Daily**  
Readership **762968** Color **Full Color**



## Sokongan rakyat Kelantan meningkat

**K**UALA LUMPUR: Sejarah pilihan raya umum yang menyaksikan penguasaan Barisan Nasional (BN) menambah bilangan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan memberi petunjuk jelas sokongan rakyat negeri itu kepada kerajaan sekarang.

Ahli Parlimen Jeli, Datuk Mustapa Mohamed, berkata pertambahan bilangan kerusi dari dua kerusi Parlimen dan lima kerusi DUN pada pilihan raya 1999 kepada sembilan kerusi Parlimen dan 22 DUN pada 2004, menunjukkan BN itu semakin diterima rama.

Beliau berkata, tidak menghairankan pada pilihan raya umum kali ini menyaksikan kerajaan Pas Kelantan tumpas berikutan sokongan rakyat ke-

pada BN yang memberangsangkan.

"Momentum yang menyokong parti BN ini jelas kelihatan menerusi pertambahan bilangan kerusi Parlimen dan DUN setiap kali pilihan raya umum.

"Ini menunjukkan rakyat semakin sedar dan mahukan perubahan dan Umno yakin mampu menawan semula Kelantan dalam pilihan raya kali ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata demikian diminta mengulas keyakinan rakyat terhadap kemampuan BN menguasai Kelantan seperti yang dijanjikan pada pilihan raya sebelum ini.

Sebelum itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Padiberas Nasional Berhad (Bernas) de-

ngan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Menerusi MoU itu, Bernas menyediakan dana RM16.8 juta bagi tempoh 10 tahun bermula 2007 bagi membolehkan UPM menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan benih padi berkualiti tinggi dan produk berasaskan makanan yang berpotensi untuk dikomersialkan.

UPM meraih dana RM200 juta dari pelbagai pihak bagi melaksanakan pelbagai program penyelidikan komersial yang akan dilaksanakan sehingga 2011 itu.

Mustapa yang juga Menteri Pengajian Tinggi berkata, rakyat tidak perlu bimbang dan gusar dengan kemampuan BN kerana banyak pembangunan untuk rakyat sudah dilaksanakan.

Katanya, rakyat menyenangi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dasar kerajaan.

"Dulu lain, sekarang lain, tidak sama...banyak perubahan dan usaha yang dibuat BN dan Umno untuk pembangunan dan kebajikan rakyat Kelantan dan mereka juga sedar hanya BN yang membantu mereka," katanya.

Diminta mengulas usaha Pas Kelantan untuk melaksana pengasingan kaunter lelaki dan perempuan di agensi pentadbiran negeri, beliau berkata, perkara itu sudah lama dibincangkan, namun tidak dilaksanakan sehingga sekarang.

"Ini gimik politik semata-mata untuk meraih sokongan rakyat menjelang pilihan raya," katanya.